

04 DEC 2001

ERL-Subang

K'JAAN AKAN PUTUSKAN MASA DEPAN L/TERBANG SULTAN ABDUL AZIZ SHAH

KUALA LUMPUR, 4 Dis (Bernama) -- Operasi di Terminal 3 Lapangan terbang Sultan Abdul Aziz Shah (SAAS) di Subang akan ditutup April tahun depan berikutan bermulanya operasi tren Express Rail Link (ERL) dari KL Sentral ke Lapangan terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) Sepang mulai 19 April.

Kerajaan akan membuat keputusan muktamad mengenai masa depan bekas lapangan terbang utama negara itu dalam masa dua minggu, kata Menteri Pengangkutan Datuk Seri Dr Ling Liong Sik hari ini.

"Ia sedang dibincangkan sekarang, kita akan mendapat keputusan muktamad kerajaan dalam masa dua minggu," katanya kepada pemberita selepas lawatan penyesuaian ERL dan Terminal Udara Bandaraya di KL Sentral di sini.

Lapangan terbang SAAS sepatutnya ditutup apabila KLIA beroperasi pada 30 Jun 1998 tetapi Terminal 3 dikekalkan atas arahan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk menampung keperluan penumpang domestik.

Pada masa ini Terminal 3 digunakan bagi sebahagian operasi penerbangan domestik Penerbangan Malaysia (MAS) serta penerbangan Air Asia, Transmile Air, Berjaya Air dan Pelangi Air.

Sebelum ini, ada cadangan untuk menjadikan lapangan terbang itu sebagai pusat pameran antarabangsa dan zon bebas cukai dengan Terminal 1 diruntuhkan untuk menempatkan Pusat Lelongan Asia Pasifik (APAC).

Mengenai ERL, Dr Ling berkata perkhidmatan yang menghubungkan KL Sentral ke KLIA itu akan menyelesaikan masalah pengangkutan dan tambang yang mahal ke Sepang, terutama bagi pengguna domestik.

Katanya perjalanan ERL dari KL Sentral ke KLIA hanya mengambil masa 28 minit dengan tambang RM35 berbanding kira-kira 45 minit dan tambang teksi RM80 sekarang.

"Tren ERL akan berlepas setiap 15 minit dengan masa operasi dari pukul 5 pagi hingga 1 pagi," katanya yang menambah bahawa penumpang udara boleh mendaftar masuk atau keluar di Terminal Udara di KL Sentral.

Menurut ERL Sdn Bhd (ERLSB), tren boleh bergerak pada kelajuan 160 km sejam di sesetengah bahagian trek 57 km itu. Kemudahan yang disediakan di Terminal Udara KL Sentral ialah 20 kaunter masuk, sistem pengendalian bagasi dan kawasan pemeriksaan kastam.

ERLSB akan memulakan operasi ujian dari Januari hingga April dan perkhidmatan perjalanan percuma untuk orang ramai akan dilakukan selama dua minggu pada April 2002, sebelum bermulanya operasi secara rasmi pada 19 April.

Ditanya oleh pemberita sejauh mana KLIA terjejas akibat serangan penganas di Amerika Syarikat pada 11 Sept, Dr Ling berkata ia tidak banyak menjejaskan ketiba penumpang kecuali penerbangan dari Amerika Syarikat.

"Penerbangan kita ke London masih mendapat tempahan yang banyak. Memang rakyat Amerika masih takut untuk menggunakan kapal terbang dan penerbangan antara Asia tidak terjejas," katanya.

Dr Ling berkata beliau menjangkakan penumpang yang menggunakan KLIA akan bertambah sepanjang Disember hingga Februari depan.

-- BERNAMA

AT AHH LAT